

KISAS juara debat bahasa Arab

KOLEJ Islam Sultan Alam Shah (KISAS) muncul sebagai juara pertandingan Debat Bahasa Arab antara Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Acara julung kali ini diadakan pada 20 hingga 24 Jun lalu di kampus induk USIM. Pertandingan ini juga adalah dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (Japim), Kementerian Pelajaran Malaysia.

Antara objektif pertandingan adalah untuk menyemarakkan penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah sebagai persediaan mantap ke peringkat yang lebih tinggi.

Di samping itu, ia juga merupakan medan terbaik untuk melatih dan mengasah bakat kepimpinan dan keupayaan berfikir secara kritis dan analitis di kalangan pelajar sekolah tentang isu-isu semasa.

Pertandingan akhir Debat Bahasa Arab antara Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan 2008 melibatkan pasukan dari Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Falahiah,

6 Ia juga merupakan medan terbaik untuk melatih dan mengasah bakat kepimpinan dan keupayaan berfikir secara kritis dan analitis di kalangan pelajar sekolah tentang isu-isu semasa

Kelantan ini yang memperdebatkan usul *Ta'lim Al-Mawad Ad-Diniyyah Bil Lughatil Arabiah Af'dhal Min Ta'Limih Bil Lughatil Um* (Mempelajari ilmu agama dalam bahasa Arab adalah lebih baik daripada bahasa ibunda).

KISAS berjaya membawa wang tunai sebanyak RM2,500, Piala Pusingan Naib Canselor USIM, piala iringan, kamus elektronik BESTA, buku terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) & USIM dan sijil penyertaan.

Naib Johan iaitu SMKA Falahiah, Kelantan menerima wang tunai



PELAJAR Kolej Islam Sultan Alam Shah bersama hadiah yang dimenangi selepas diumumkan johan Debat Bahasa Arab Sekolah-sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan, baru-baru ini.

sebanyak RM2,000, piala iringan, kamus elektronik BESTA, buku terbitan Jakim & USIM dan sijil penghargaan.

Pendebat terbaik disandang oleh Jaid Hafizi Idris dari KISAS dan membawa pulang wang tunai RM800, piala

iringan dan sijil penghargaan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Naib Canselor HEP & Alumni USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah yang juga perasmis majlis penutup pertandingan akhir debat.